

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RAK 132- PENGANTAR ALAM BINA

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPATBELAS** soalan: Jawab **SEMUA** soalan dalam **Bahagian A**, **DUA** daripada **Bahagian B**, dan **DUA** daripada **Bahagian C**.

BAHAGIAN A: (Jawab **SEMUA** soalan. Bulatkan **Betul** atau **Salah** di dalam kertas jawapan yang disediakan)

1. Niat seorang individu atau sesuatu institusi tergantung kepada pegangan akidah, kepercayaan, polisi, dasar, prinsip atau falsafahnya. Pegangan ini bergantung kepada sesuatu teori. Oleh kerana semua teori dapat diruntuhkan, seseorang individu/institusi itu tidak akan dapat mempunyai satu niat yang abadi.
2. Laku ialah perbuatan menghasilkan produk. Jika produk itu ialah satu perkhidmatan seperti melukis pelan, menghasilkan teknik melukis bererti menghasilkan laku. Oleh yang demikian, laku boleh menghasilkan laku.
3. Dalam menghasilkan alam bina, tapak adalah satu unsur penting yang mestilah diambilkira dari fasa rekabentuk lagi. Sesuatu rekabentuk yang dihasilkan tanpa mengetahui tapaknya, atau seseorang pereka yang tidak tahu tapak di mana rekabentuknya akan direalisasi sudah pasti akan merosakkan alam bina.
4. Untuk menghasilkan alam bina yang ideal, hanya aturan formal yang ideal boleh digunakan. Oleh kerana aturan formal sentiasa dicampur adukkan dengan aturan informal, penghasilan alam bina ideal ialah satu yang mustahil.
5. Tiap orang mempunyai ruang peribadi sekelilingnya. Ruang peribadi menentukan jarak di antara dua orang manusia yang tidak kenal satu sama lain, di dalam satu ruang. Oleh kerana saiz ruang peribadi ini adalah standard bagi semua manusia, rekabentuk standard, seperti unit-unit apartmen, boleh dihasilkan.

...2/-

6. Produktiviti tinggi di dalam sesebuah kilang tergantung kepada niat individu pekerja kilang itu. Oleh itu, produktiviti tinggi tidak bergantung kepada bagaimana satu ruang itu dihias dan dikemas. Percubaan untuk meningkatkan penghasilan dengan mengubah rekabentuk dalaman adalah satu laku yang sia-sia.
7. Perumahan boleh disediakan dengan berbagai cara. Mewujud dan menyerahkan sepotong tanah tanpa rumah adalah juga satu daripada penyelesaian masalah perumahan.
8. Untuk menghasilkan satu rekabentuk objek, bangunan dan/atau petempatan untuk sesuatu klien semua kehendak klien itu, bermula dengan niatnya, diikuti dengan pelaksanaan yang direstuihnya, mestilah dipenuhi oleh sipereka. Ini akan memastikan bahawa hasil yang dijana akan bersimpati dengan alam bina.
9. Satu daripada kriteria rekabentuk yang baik ialah rekabentuk yang bersimpati dengan alam bina, ertinya menggunakan bahan yang terdapat di persekitaran tapak di mana rekabentuk itu akan direalisasikan. Oleh yang demikian sesuatu rekabentuk di Asia yang menggunakan bahan-bahan dari Eropah adalah sesuatu rekabentuk yang tidak baik.
10. Satu kriteria rekabentuk perumahan yang baik ialah rekabentuk yang membolehkan penghuni membuat perubahan mengikut kemahuannya. Sesuatu rekabentuk yang tidak membolehkan penghuni membuat perubahan mengikut kemahuannya adalah rekabentuk yang tidak baik.

(20 markah)

Bahagian B : Jawab Soalan 11 (Wajib) dan 1 soalan lain.

11. Berlandaskan format di bawah, ilustrasikan perubahan niat, $N1 > N2 > N3$, laku $L1 > L2 > L3$ dan hasil $H1 > H2 > H3$ pada ketiga-tiga skala objek, bangunan dan bandar yang anda alami dalam intervensi alam sekitar di USM.

Skala	Niat	Laku	Hasil
Objek	N1 N2 N3	L1 L2 L3	H1 H2 H3
Bangunan	N1 N2 N3	L1 L2 L3	H1 H2 H3
Petempatan	N1 N2 N3	L1 L2 L3	H1 H2 H3

(20 markah)

12. Untuk menghasilkan alam bina yang ideal, perekabentuk mestilah diatur oleh peraturan yang ideal dan melaksanakannya di tempat yang ideal. Menggunakan contoh tertentu, lakarkan model penghasilan ini.

(20 markah)

13. Anda ingin menghasilkan sebuah Rumah Tradisional Melayu di USM. Lakarkan cadangan penghasilannya.

(20 markah)

14. Lakarkan peranan teknologi dalam industri bangunan/binaan pada waktu berlainan, yang mengubah alam bina dari kampung ke bandar menegak (*vertical city*).

(20 markah)

BAHAGIAN C: (Jawab DUA soalan.)

15. Ilmu yang didapati dari pengalaman mengolah ruang dan objek di tapak pada skala penuh adalah ilmu yang tidak akan dapat diperolehi di dalam buku, di Dewan Kuliah, di atas meja lukis atau di dalam mengolah model; ilmu ini amat penting untuk seseorang di dalam industri alam bina. Bahaskan.

(20 markah)

16. Masalah taksonomi dalam industri perumahan adalah punca kerosakan alam sekitar. Huraikan.

(20 markah)

17. Petempatan, bangunan dan produk adalah pemajuan yang dihasilkan untuk majoriti pengguna. Oleh kerana majoriti pengguna bukanlah kanak-kanak, orang tua atau orang cacat, pemajuan tidak seharusnya diubah untuk mengambilkira golongan minoriti ini. Bincangkan.

(20 markah)

18. Pemajuan informal adalah sesuatu yang dirancang. Oleh kerana ia mewakili program pembangunan kuasa-kuasa tertentu, ianya tidak boleh dibasmikan. Jelaskan.

(20 markah)

...4/-

19. Globalisasi industri memerlukan alam bina global. Penghasilan alam bina global memupuk budaya global. Budaya global menjana ancaman mempupuskan budaya lokal. Sementara sebahagian budaya lokal akan pupus, sebahagian lagi akan berkembang semula dari saripati yang tinggal. Butirkan scenario ini dalam acara globalisasi Malaysia (*the globalisation of Malaysia*)

(20 markah)

-ooo00ooo-

Semester I, 1995/96
KERTAS JAWAPAN

Angka Giliran:.....

Helaian jawapan bagi **BAHAGIAN A** Soalan 1 hingga 10. (20 markah)

Bulatkan Jawapan Anda.

- | | | |
|-----|-------|-------|
| 1. | Betul | Salah |
| 2. | Betul | Salah |
| 3. | Betul | Salah |
| 4. | Betul | Salah |
| 5. | Betul | Salah |
| 6. | Betul | Salah |
| 7. | Betul | Salah |
| 8. | Betul | Salah |
| 9. | Betul | Salah |
| 10. | Betul | Salah |

-ooo00ooo-

